

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

EUP 403 - Perakaunan Pengurusan

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

...2/-

1. Kedai Sudin menjual satu keluaran. Pada 1 hb. Oktober 1990, sebahagian dari timbang duga menunjukkan;

Tunai	\$ 6,000
Akaun Belumterima	19,000
Inventori barangniaga	12,000
Akaun Belumbayar	9,000

Belian-belian yang dibuat oleh syarikat biasanya dibayar dalam tempoh 10 hari. Andaikan satu pertiga dari belian yang dibuat dalam sesuatu bulan telah matang dan dibayar dalam bulan berikutnya.

Kos yang diinvois bagi seunit barangniaga yang dibeli ialah \$10. Adalah dikehendaki supaya pada akhir tiap-tiap bulan, perniagaan menyimpan inventori sebanyak 50% dari kuantiti jualan pada bulan berikutnya.

Pengalaman di masa lalu menunjukkan bahawa 60% dari amaun yang dibil akan dikutip dalam bulan keluaran dijual, 30% lagi dikutip dalam bulan berikutnya dan 10% dalam bulan yang berikutnya lagi. Data berikut telah dipetik dari belanjawan tahun semasa.

Harga jualan seunit	\$ 15
Jualan sebenar Ogos	15,000
Jualan sebenar September	45,000
Anggaran jualan - Oktober	36,000
Anggaran jualan - November	27,000

Jumlah belanja Jualan dan Pentadbiran yang dibelanjawankan bagi tahun tersebut ialah sebanyak \$68,400. Belanja-belanja ini telah dilibatkan secara rata sepanjang tahun. Belanja-belanja adalah dibayar semasa ianya dilibatkan.

Dikehendaki:

- [a] Kirakan jumlah tunai yang diterima dalam bulan Oktober dari jualan

[10 markah]

...3/-

- [b] Kirakan jumlah pembayaran tunai dalam bulan Oktober untuk belian.

[16 markah]

- [c] Kirakan pembayaran tunai dalam bulan Oktober untuk lain-lain belanja.

[2 markah]

- [d] Sediakan satu penyata menunjukkan penerimaan tunai dan pembayaran tunai yang dianggarkan untuk bulan Oktober 1990 dan baki tunai pada hujung bulan tersebut.

[7 markah]

2. Seorang pegawai Motor Manufacturing Company (MMC) di Malaysia sedang menimbang sama ada syarikat harus terus mengeluarkan suatu komponen enjin atau membelinya dari sebuah syarikat lain dengan harga \$20 seunit. Permintaan bagi tahun akan datang dijangka akan sama seperti permintaan pada tahun semasa, 200,000 unit. Belanja-belanja yang dibelajawankan untuk tahun semasa berhubung dengan pengeluaran komponen tersebut adalah;

Bahan mentah	\$2,000,000
Buruh langsung	800,000
Overhed kilang - Berubah	400,000
Overhed kilang - Tetap	1,000,000

Jumlah kos	4,200,000
	=====

Sekiranya MMC mengeluarkan komponen tersebut, kos seunit bahan mentah akan meningkat sebanyak 10%. Sekiranya ia beli komponen tersebut, 40% dari kos tetap akan dapat dielakkan. Baki 60% akan tetap ditanggung tidak kira sama ada komponen itu dibuat atau dibeli.

Dikehendaki:

- [a] Tunjukkan dalam bentuk jadual perbandingan antara pilihan-pilihan membuat atau membeli. Tunjukkan jumlah kos dan kos seunit. Kirakan perbezaan dari segi angka antara membuat atau membeli. Andaikan bahawa kapasiti yang sekarang digunakan untuk membuat komponen tersebut akan menjadi terbiar sekiranya komponen dibeli.

[15 markah]

- [b] Andaikan bahawa kapasiti MMC yang berkenaan boleh disewakan untuk \$300,000 bagi tahun hadapan. Tunjukkan dalam bentuk jadual kos-kos yang relevan bagi ketiga-tiga pilihan; membuat, beli dan membiarkan kapasiti begitu sahaja atau membeli dan menyewakan kapasiti. Pilihan mana yang paling baik.

[15 markah]

3. Jasin Bhd. mengeluarkan satu keluaran sahaja. Di bawah ini ditunjukkan penyata untung rugi yang dimudahkan bagi tahun berakhir 31/3/1991.

Penyata Untung Rugi

	\$	\$
Jualan (15,000 unit)		300,000
Kos-kos:		
Bahan langsung	60,000	
Overhed berubah pengeluaran	15,000	
Upah langsung	45,000	
Overhed tetap pengeluaran	20,000	
Overhed tetap pentadbiran	40,000	
Overhed berubah jualan	22,500	
Overhed tetap jualan	20,000	
		222,500

Untung bersih		78,000
		=====

...5/-

Dikehendaki:

- [a] Berasaskan data di atas, anda dikehendaki melukis carta titik pulang modal dan menunjukkan titik pulang modal dalam unit dan nilai margin keselamatan bagi tahun yang baru berakhir.

[8 markah]

- [b] Berasaskan data yang diberi, kirakan secara berasingan untung bagi tiap-tiap satu perubahan yang berikut:

- [i] Peningkatan dalam overhed tetap pengeluaran sebanyak \$8,000.
- [ii] Kenaikan harga jualan kepada \$21.
- [iii] Penurunan dalam volum jualan kepada 12,000 unit.

[9 markah]

- [c] Berasaskan data-data yang diberi, kirakan perubahan dalam untung akibat dari tiap-tiap satu dari situasi berikut:

- [i] Kenaikan 5% dalam harga jualan diikuti dengan pengurangan dalam volum jualan sebanyak 5%.
- [ii] Peningkatan sebanyak \$3,000 dalam Overhed Tetap Jualan diikuti dengan pertambahan sebanyak 5% dalam jualan.

[4 markah]

[4 markah]

...6/-

4. Berikut adalah maklumat berhubung dengan pengeluaran sejenis kotak logam dalam bulan Mac oleh CMB Bhd:

Bahan-bahan:

Kuantiti standard	50kg bagi setiap 100 unit
Harga standard	10 sekg
Pengeluaran yang dirancang	2000 unit
Kegunaan sebenar bahan	1,000kg @ \$10.50 sekg.
Pengeluaran sebenar	1,800 unit.

Dikehendaki:

Kirakan

- [i] Varian kos bahan
- [ii] Varian penggunaan bahan
- [iii] Varian harga bahan

[10 markah]

oooOooo